

# Badan Kesenian Melayu rebut Piala Pusingan

**di Pesta Silat**

**21 AUG 1976**

**KETANGKASAN** dan keaslian persembahan oleh Badan Kesenian Melayu telah membantunya menggondol Piala Pusingan Haji Yaacob Mohamed dalam Pesta Silat malam kemarin.

Dengan lincah dan cekap menggunakan senjata, enam 'pendekar' muda anggota badan tersebut telah memperlihatkan gerak-gaya Kuntau Melaka yang penuh keaslian.

Dan para penonton yang memenuhi Panggung Negara tentu bersetuju dengan keputusan jemaah pengadil bahawa persembahan 'pendekar-pendekar' itu adalah lebih baik dari lima kumpulan lain.

Kata ketuanya, Mohd bin Din Mohd: Walau pun kami benar-benar berharap untuk berjaya, tetapi kami tidak menduga dapat menggondol piala pusingan ini."

Menurutnya, mereka telah berlatih sejak enam bulan lepas, sebaik-baik

saja mendengar pertandingan silat yang pertama itu akan diadakan.

Badan itu telah menempatkan Himpunan Queenstown di tempat kedua, dan Pasak di tempat ketiga. Menyusuli mereka?ka ialah kumpulan Perwanit, Persatuan Bawean Singapura dan Pertapis.

## Hadiyah

Turut memeriahkan lagi pesta itu ialah persembahan silat batin oleh Perpensi dan Akh-lak Seni Silat Harimau Malaysia, serta tarian silat Randa oleh Sriwana di samping persembahan kompong.

Hadiyah-hadiyah telah disampaikan oleh Menteri Negara di Pejabat Perdana Menteri, Haji Yaacob Mohamed yang juga presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Menteri Sains dan Teknologi, Dr. Lee Chiau Meng juga hadir dalam Malam Persisi itu yang diadakan sempena Hari Kebangsaan dan Pesta Sukan yang sedang berlangsung.

• KETUA kumpulan Kuntau Melaka, Mohd bin Din Mohd dijulang oleh 'pendekar-pendekarnya' bersama perisai dan piala kemenangan mereka. — Gambar BH oleh Tan Wee Hin.

# Pesta Silat di PN **23 AUG 1976** dapat pujian

**S**AYA ingin mengucapkan tahniah kepada Persisi kerana berjaya mengadakan satu Pesta Silat tempoh hari.

Ini adalah pertama kali satu pesta di peringkat kebangsaan diadakan di sini dan nampaknya persekutuan ini berjaya menganjurkan majlis dan acara di peringkat besar-besaran walau-pun baru ditubuhkan.



Saya yakin dengan adanya usaha yang bersungguh-sungguh, persekutuan ini dapat memainkan peranan yang lebih giat dan penting dalam meninggikan taraf seni silat di sini.

Apakah lagi ia telah diterima sebagai salah satu jenis sukan oleh Majlis Sukan Kebangsaan.

Perkara ini seharusnya menjadi satu daya penggalakan kepada semua pihak yang memang ingin melihat sukan ini diiktiraf sejakar dengan lain-lain jenis seni mempertahankan diri.

Sambutan yang diberikan oleh persatuan-persatuan yang bergiat dalam bidang tersebut juga adalah satu faktor yang menggalakkan.

Begitu juga sambutan dari orang ramai. Perhatian yang diberikan itu adalah satu tanda baik bagi perkembangan seni silat di sini sebagai satu sukan.

Ia memang dapat menambah kesihatan tubuh badan kerana selain dari hakikat ia dapat mempertahankan diri seseorang ia merupakan gerakan jasmani.



Usaha-usaha Persisi sepatutnya mendapat sokongan dari semua pihak dan hendaknya badan-badan lain yang masih belum menjadi anggota menyertainya.

Melalui ruangan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka yang berusaha untuk menubuhkan Persisi dan terus mendukung citacitanya.

**PEMERHATI  
SENI SILAT**  
Singapura 15.

Tahun lalu, pertubuhan tersebut berjaya menganjurkan pertandingan yang sama di peringkat negara-negara ASEAN.

Mahaguru Omar Din juga memberitahu, pertubuhannya telah membeli bangunan, dua tingkat yang baru berharga \$250,000 terletak di Jalan Pahang.

Bangunan itu juga akan menjadi ibupejabat baru pertubuhan tersebut dan beberapa biliknya disewa untuk perniagaan.

Sementara itu, seramai 35 orang ahli pertubuhan tersebut akan mengadakan lawatan sambil memperkenalkan senisilat lincah ke daerah Aceh di Indonesia pada 15 Oktober depan.

Lawatan ketiga ke Indonesia itu, menurut Mahaguru Omar Din Yang Dipertua Pertubuhan Seni Silat Lincang Malaysia memberitahu, negara-negara tersebut ialah — Indonesia, Singapura, Filipina, Negeri Thai, Jepun, Korea Selatan dan India.

Pengajur per-tandingan tersebut, Mahaguru Omar Din Yang Dipertua Pertubuhan Seni Silat Lincang Malaysia memberitahu, negara-negara tersebut ialah — Indonesia, Singapura, Filipina, Negeri Thai, Jepun, Korea Selatan dan India.

Pihaknya juga akan membawa lima orang wartawan tempatan untuk menyertai lawatan tersebut.

## Singapura

**ikut serta**  
**Berita Minggu**  
**dim Seni**  
**5 SEP 1976**  
**Silat Asia**

## Pertama

**KUALA LUMPUR,** Sabtu. — Lapan buah negara termasuk Singapura mengesahkan penyertaan mereka dalam Pertandingan Seni Silat Asia pertama, yang dijalankan berlangsung di Stadium Negara, di sini pada 4 Disember.

Pengajur per-tandingan tersebut, Mahaguru Omar Din Yang Dipertua Pertubuhan Seni Silat Lincang Malaysia memberitahu, negara-negara tersebut ialah — Indonesia, Singapura, Filipina, Negeri Thai, Jepun, Korea Selatan dan India.

## Percaya

Katanya, Malaysia selaku tuanrumah, menganjurkan pertandingan itu untuk memperluas kegiatan senisilat dan memperkenalkan senisilat lincah ke peringkat antarabangsa.